

16 JUN 2003

Umno-Azalina

PUTERI BAWA ISU NASIONAL PADA PERHIMPUNAN AGUNG

Oleh: Kuzaimah Idris

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Puteri Umno akan membawa usul pendidikan, agama, ekonomi dan sosial pada perhimpunan agung parti ke-57 bermula esok, kata ketua pergerakan itu Azalina Othman.

Katanya usul yang bakal dibentang dan dibahaskan itu akan memberi kefahaman kepada perwakilan supaya mereka menjelaskan isu-isu berkenaan kepada anggota peringkat bahagian dan cawangan masing-masing.

Dalam temubual dengan Bernama di sini, Azalina berkata Puteri Umno tidak akan membawa sebarang usul khas semasa perhimpunan itu nanti sebaliknya hanya akan menumpu kepada isu nasional, dasar kerajaan dan persediaan pilihan raya umum.

Beliau berkata teras ucapannya pula akan menyentuh peranan pergerakan itu sebagai entiti baru Umno bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Ucapan saya akan menyentuh peranan Puteri sebagai ahli baru dalam Umno, penekanan kepada pengkomputeran dan langkah Puteri menarik generasi muda, terutama wanita Melayu muda, untuk mengundi pada pilihan raya nanti," katanya.

Puteri Umno akan menghantar 640 anggota perwakilan pada perhimpunan agung Umno kali ini, yang pertama kali disertai oleh pergerakan itu selepas ia diterima sebagai sayap baru Umno tahun lepas.

Azalina berkata Puteri Umno juga tidak menjangkakan pemimpin dan anggota Umno akan membangkitkan usul supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik hasratnya untuk berundur.

"Bagi saya untuk beliau tidak pergi. Yang lebih penting ialah menentukan segala amanah beliau, semangat beliau yang diberikan kepada kita dilaksanakan dan diteruskan," katanya.

Katanya pemimpin dan anggota Umno perlu menerima hakikat bahawa peralihan kuasa akan berlaku dan mereka harus meneruskan kesinambungan perjuangan bagi memberi kemenangan besar kepada Umno dan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.

"Tapi bagi Puteri, kita sedihlah sebab kita belum puas bersama pemimpin Melayu yang handal seperti Presiden Umno (Dr Mahathir)," katanya.

Ditanya mengenai persediaan Puteri Umno menghadapi pilihan raya umum akan datang, Azalina berkata pergerakan itu tidak akan menuntut anggotanya dicalonkan sebaliknya menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk membuat pemilihan.

Kaanya jika tidak terpilih sebagai calon, Puteri Umno tetap berikrar akan terus berkhidmat dan meneruskan perjuangan Umno dan BN.

"Kalau diberi, kita ucap terima kasih, kalau tak diberi kita teruskan perjuangan, kita tak menuntut kedudukan dalam parti," katanya.

Puteri Umno, katanya, akan menggerakkan dengan aktif pelbagai program pilihan raya seperti unit khas pilihan raya dan operasi bakti Puteri bermula bulan depan serta menyediakan anggotanya daripada segi mental dan emosi untuk pilihan raya.

Puteri Umno kini mempunyai 138,000 anggota.

Azalina berkata cabaran pergerakan itu kini ialah menentukan generasi muda keluar mengundi dan memilih BN pada pilihan raya itu nanti.

Beliau berkata Puteri juga tidak menjangkakan akan menghadapi masalah bekerjasama dan menerima arahan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno, Oktober ini.

"Pak Lah sudah bersama kita sejak mula Puteri wujud, gerakan Presiden

dan Timbalan Presiden adalah satu gerakan yang seia sekata. Saya tak lihat akan ada masalah (selepas peralihan)," katanya.

-- BERNAMA
ZAI MFJ MAI